

SULIT

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 3 TAHUN 2019

TARIKH : 26 MAC 2019 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i>
Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i>
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 6. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 15. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Baharudin bin Misran | - | Ahli Majlis |
| 18. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |
| 20. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 21. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Yunis Khalis bin Abdul Manap | - | Ahli Majlis |

SULIT

23. Encik Miskon bin Haji Karim,*PPT* Penolong Setiausaha

TURUT HADIR

1. Encik Kamarulzaman bin Ahmad,*PJK* - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, *PPT* - Pengarah Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Hishamuddin bin Ismail, *PPT* - Pengarah Jabatan Pelesenan
4. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Puan Norain binti Mohamed - Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
7. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
8. Puan Nordila binti Yasir - Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap - Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
10. Encik Amirzaki bin Che Hassaim - Wakil Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
12. Tuan Haji Fauzi bin Din, *PJK* - Ketua Unit Perundangan
13. Encik Mohd Halid bin Roslei - Ketua Perunding Kawalan Pemajuan, Unit Pusat Setempat
14. Cik Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
15. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
16. Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, *PJK* - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
17. Puan Amiezatul Hanim binti Zakuan - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18. Puan Fadila binti Zainuddin - Wakil Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SULIT

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Hamzah bin Abu Bakar - Ahli Majlis
2. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
3. Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof - Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
2. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
3. Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil - Pembantu Operasi
4. Encik Mohd Sahlan bin Tukiran - Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>BACAAN DOA</u>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	<u>UCAPAN TUAN Pengerusi</u>	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Beliau menyampaikan salam daripada Tuan Yang Dipertua yang menyertai Konvoi Jelajah Semenanjung Malaysia Sempena Promosi <i>Retromania Grand Gathering 2019</i> . Tuan Pengerusi telah memaklumkan beberapa perkara seperti berikut :	
	Program-program yang diadakan di MDKL :	
	2.1 Pada 1 Mac 2019 Kelab Sukan dan Kebajikan MDKL telah mengadakan Kejohanan Futsal Tertutup MDKL di Ole Futsal, Olak Lempit.	Makluman
	2.2 Program-program pembersihan pantai di bawah LA21 adalah seperti berikut : 1. Aktiviti Sukarelawan Pembersihan Pantai Baru Morib bersama Vision College pada 1 Mac 2019.	Makluman

SULIT

		<ol style="list-style-type: none">2. Program Pembersihan Pantai Cunang bersama Suzuki Vitara Club Malaysia pada 9 dan 10 Mac 2019.3. Manakala Program Pembersihan Pantai Baru Morib bersama Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia akan diadakan pada 31 Mac 2019.	
	2.3	Bermula pada 4 Mac sehingga 29 Mac 2019, Program Publisiti Awal Seksyen 12A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 1) 2030 sedang dilakukan di ruang legar MDKL.	Makluman
	2.4	<p>Pada 28 Februari 2019, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Agensi Luar seperti Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Imigresen dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Bandar Saujana Putra.</p> <p>Dalam operasi tersebut, sebanyak satu notis kesalahan dan satu notis pemberitahuan telah dikeluarkan oleh pihak Majlis.</p>	Makluman
	2.5	Pihak Majlis telah menerima Lawatan Muhibbah Penandaarasan dari Majlis Daerah Hulu Selangor Bagi Prosedur Pengurusan Penutupan Premis Makanan, Alam Sekitar, Pencemaran dan Kesihatan Awam di MDKL pada 25 Mac 2019.	Makluman
	2.6	<p>Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Operasi Berkaitan Penempatan Rumah Sewa Warga Asing di Batu 10, Kebun Baru pada 11 Mac 2019.2. Operasi Sitaan Kilang Plastik di Jalan Enggang 5, Telok Panglima Garang pada 15 Mac 2019.3. Siasatan kes pencemaran di Kampung Melayu Orang Asli di Pulau Carey pada 21 Mac 2019.	Makluman
	2.7	Pada 15 Mac 2019, pihak Majlis telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 dan Jasamu Dikenang bertempat di Bandar Rimbayu. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.	Makluman

SULIT

	2.8	Program Santai Orang Besar Istana di Daerah Kuala Langat Bersama DYTM Raja Muda Selangor telah berlangsung pada 21 hingga 23 Mac 2019. DYTM Raja Muda Selangor telah berkenan untuk berangkat ke Daerah Kuala Langat bagi mendekati rakyat dan melawat beberapa tempat menarik.	Makluman
	2.9	Majlis Perasmian Kempen Sayangi Sawitku anjuran Kementerian Industri Utama oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan di <i>East Estate</i> , Sime Darby Pulau Carey pada 24 Mac 2019.	Makluman
	2.10	Pihak Majlis telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (Ketua Kampung) Daerah Kuala Langat pada 6 Mac 2019.	Makluman
	2.11	Pertandingan Memancing Cabaran Rimbayu 2019 telah diadakan di kolam takungan air Rimbayu 3, Bandar Rimbayu pada 23 Mac 2019.	Makluman
	2.12	Kelab Sukan dan Kebajikan MDKL bersama Unit Korporat dan Perhubungan Awam sedang dalam rangka promosi <i>Retromania Grand Gathering</i> melalui Konvoi Jelajah Semenanjung Malaysia mulai 25 hingga 29 Mac 2019.	Makluman
	2.13	Jabatan Pembangunan Masyarakat akan menganjurkan Kursus " <i>Leadership Attitude Skills Teamwork</i> " bagi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MDKL Tahun 2019 pada 30 Mac 2019 di Tapak <i>Wall Climbing</i> , Dataran Banting.	Makluman
	2.14	Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang lalu telah bersetuju untuk menutup sementara operasi Pasar Awam Banting pada 8 hingga 10 April 2019 bagi tujuan pembersihan kawasan pasar tersebut. Notis pemberitahuan telah diberikan kepada semua peniaga dan Unit PRO diminta membuat hebahan untuk makluman kepada orang ramai.	Makluman
	Program Majlis Perwakilan Penduduk bagi bulan Mac 2019		
	2.15	MPP Zon 1 telah mengadakan Program Kejohanan Catur Remaja Kuala Langat di Pasaraya Tesco Jenjarom pada 9 Mac 2019.	Makluman

SULIT

	2.16	MPP Zon 2 telah mengadakan Program Sukan Boling Antara Taman-taman di Kompleks Sukan Dream, Nilai pada 17 Mac 2019.	Makluman
	2.17	MPP Zon 4 : <ol style="list-style-type: none">1. Program Jom Gotong-Royong di Jalan Nipah 1 dan 2, Taman Dato Hormat pada 3 Mac 2019.2. Program Jom Gotong-Royong di Jalan Pandan 20 dan 28, Taman Dato Hormat pada 3 Mac 2019.	Makluman
	2.18	MPP Zon 7 telah mengadakan program gotong-royong membersihkan kawasan perumahan dan longkang di Bandar Saujana Putra pada 17 Mac 2019.	Makluman
	2.19	MPP Zon 12 : <ol style="list-style-type: none">1. Bengkel Memasak Kuih Talam di Dewan Jubli Intan Olak Lempit pada 9 Mac 2019.2. Program Gotong-Royong Perdana Cegah Denggi di Taman Changgang Jaya pada 17 Mac 2019.3. Program Sirih Junjung Tradisional dan Berasaskan Buah Labu di Dewan Homestay Pantai Batu Laut pada 16 Mac 2019.	Makluman
	2.20	MPP Zon 14 : <ol style="list-style-type: none">1. Pertandingan Jom Memancing di Bandar Sungai Emas pada 24 Mac 2019.2. Program gotong-royong dan membersihkan tapak sampah haram di Taman Sri Manggis pada 27 Mac 2019.	Makluman
	2.21	MPP Zon 16 telah mengadakan Program Membasmi Nyamuk Aedes di Taman Desa Permatang, Permatang Pasir pada 16 Mac 2019.	Makluman
	2.22	MPP Zon 20 telah mengadakan Program Kejohanan Tertutup Sukan Sepak Takraw dan Majlis Kenal Rapat Bersama Ahli Majlis di gelanggang awam Taman Teratai pada 3 Mac 2019.	Makluman
	2.23	MPP Zon 21 telah mengadakan Program Cegah Denggi di Bandar Seri Ehsan pada 9 Mac 2019.	Makluman

SULIT

	2.24	<p>MPP Zon 22 :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Festival Keluarga Sakinah (3K) pada 2 hingga 10 Februari 2019. 2. Program <i>Skill Change Lives</i> di Dewan Orang Ramai Kelanang pada 24 Februari 2019. 3. Program Bengkel Robot Rero Sekolah Rendah di Sekolah Rendah Kampung Endah pada 27 Februari 2019 dan 13 Mac 2019. Manakala di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tanjung Sepat telah diadakan pada 14 Mac 2019. 	Makluman
	2.25	<p>MPP Zon 23 :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Kejohanan Tertutup Sukan Sepak Takraw dan Majlis Kenal Rapat Bersama Ahli Majlis di gelanggang awam Taman Teratai pada 3 Mac 2019. 2. Program Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut pada 6 Mac 2019. 3. Bengkel Memasak Kuih Talam di Dewan Jubli Intan Olak Lempit pada 9 Mac 2019. 4. Program Sirih Junjung Tradisional dan Berasaskan Buah Labu di Dewan Homestay Pantai Batu Laut pada 16 Mac 2019. 	Makluman
	2.26	<p>MPP Zon 24 :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Sambutan Hari Wanita 2019 di Pekan Tanjung Sepat pada 8 Mac 2019. 2. Program Gotong-Royong Penyakit Chikungunya/ Denggi di Dewan Muhibbah dan Jalan Pasar, Tanjung Sepat pada 3 Mac 2019. 	Makluman
Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) bagi bulan Februari dan Mac 2019 :			
	2.27	<p>Keputusan MMKN Ke 5/2019 yang diadakan pada 20 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 6/2019 pada 27 Februari 2019</p> <p>Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2018</p> <p>YAB Dato' Menteri Besar Selangor mengucapkan tahniah kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang telah berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang di dalam Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2018 yang dikeluarkan oleh Kementerian</p>	Makluman

SULIT

		Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Keputusan tahun 2018 adalah lebih baik berbanding tahun 2017 di mana hanya 10 daripada 12 PBT Negeri Selangor yang menerima taraf 5 bintang.	
	2.28	<p>Keputusan MMKN Ke 5/2019 yang diadakan pada 20 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 6/2019 pada 27 Februari 2019</p> <p>Sesi Townhall Jelajah Maju Bersama YAB Menteri Besar Selangor Bersama Pemimpin Masyarakat</p> <p>Semua Sesi Townhall Jelajah Maju Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Pemimpin Masyarakat akan melibatkan pelaporan daripada Pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan agar semua isu yang dibincangkan dapat diteliti dan diambil tindakan segera. Sehubungan itu, Sesi Townhall ini akan diselaraskan oleh Pejabat YAB Dato' Menteri Besar dan semua Pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan diminta untuk menyediakan pelaporan semasa Sesi Townhall berlangsung.</p>	Makluman
	2.29	<p>Keputusan MMKN Ke 5/2019 yang diadakan pada 20 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 6/2019 pada 27 Februari 2019</p> <p>Operasi Penguatkuasaan dan Perobohan Gerai di Negeri Selangor</p> <p>MMKN bersetuju dengan cadangan YB Puan Rodziah binti Ismail berhubung perkara ini dan operasi hendaklah dilaksanakan secara bersepadu di antara Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan serta jabatan dan agensi yang berkaitan. Ini adalah bagi memastikan operasi tersebut dilaksanakan secara teratur mengikut bidang kuasa jabatan-jabatan yang terlibat dan bagi mengelakkan kesilapan yang boleh memberikan imej yang negatif kepada Kerajaan Negeri.</p>	Makluman
	2.30	<p>Keputusan MMKN Ke 6/2019 yang diadakan pada 27 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 7/2019 pada 13 Mac 2019</p> <p>Isu Kilang Kitar Semula Sisa Plastik di Negeri Selangor daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor</p> <p>MMKN menimbang dan meluluskan perkara-perkara berikut:</p>	Makluman

SULIT

		<ol style="list-style-type: none"> 1. Tapak pelupusan sampah haram hendaklah di ambil tindakan secara bersepadu melibatkan agensi-agensi yang berkaitan bagi menghalang sebarang pembuangan sisa plastik atau sampah di tapak tersebut, kerja-kerja remedi dilaksanakan oleh pemilik tanah bagi membersihkan kawasan tersebut dan tindakan undang-undang di bawah bidang kuasa setiap agensi dapat diambil terhadap pemilik tanah; 2. Semua kilang kitar semula plastik haram di Negeri Selangor hendaklah ditahan operasi dan ditutup dengan kerjasama semua agensi yang berkaitan; 3. Kilang kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah Jadual Pertama, Aktiviti 14 (b)(ii) – pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula pepejal, Perintah Kualiti Alam Sekeliling di mana pihak kilang hendaklah menyediakan Laporan EIA dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan; 4. Kilang kitar semula plastik yang baharu hendaklah hanya dibenarkan beroperasi dan berada di satu kawasan perindustrian khusus bagi kemudahan pemantauan dan penguatkuasaan serta tidak memberi kacau ganggu kepada penduduk sekitar; 5. Kilang-kilang kitar semula sisa plastik hendaklah mengambil kira keperluan memasang alat kawalan yang berpunca dari proses pengilangan bagi kawasan pencemaran efluen, udara dan pengurusan buangan terjadual; 6. Kilang-kilang kitar semula plastik hendaklah mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dengan mengambil kira semua keperluan di bawah '<i>Environmental Mainstreaming Tools</i>'; 7. Permohonan lesen perniagaan bagi kilang-kilang kitar semula plastik ini hendaklah dikemukakan oleh pemilik kilang kepada PBT dan diluluskan sebelum kilang-kilang beroperasi. Lesen ini hendaklah merangkumi kod bagi aktiviti kitar semula plastik terpakai iaitu 284. 	
	2.31	<p>Keputusan MMKN Ke 6/2019 yang diadakan pada 27 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 7/2019 pada 13 Mac 2019</p> <p>Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Yang Akan Dibentangkan Pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas</p>	Makluman

SULIT

		<p>MMKN menimbang dan meluluskan Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) untuk dibentangkan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas bermula 18 Mac hingga 22 Mac 2019 dan 25 Mac hingga 29 Mac 2019.</p> <p>YB Ahli MMKN turut dipohon mendapatkan maklum balas dan berbincang bersama Jabatan/Agensi berkaitan sebelum penyata dibentangkan dan dibahaskan memandangkan status Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas adalah embargo sehingga ia diluluskan di Dewan Negeri Selangor dan tidak diedarkan kepada Jabatan/Agensi sebelum dibentangkan.</p>	
3.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU</u>		
		MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 2 TAHUN 2019 PADA 28 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diterima untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Rosdi bin Meor Endut tanpa sebarang pindaan.	
4.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>		
		- TIADA -	
5.0	<u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</u>		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 11 MAC 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	

SULIT

	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 11 MAC 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 4.4.2</p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta dibuat tambahan perbandingan kutipan bayaran lesen bagi tahun 2017 dalam laporan kutipan bayaran lesen pada mesyuarat akan datang.</p> <p><i>Pihak Jabatan mengambil maklum perkara ini.</i></p>	Makluman
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 12 MAC 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 12 MAC 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara berikut :	
	i.	<p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai cadangan menggunakan peruntukan MDKL untuk Kursus “<i>Leadership Attitude Skills Teamwork</i>” PeBT.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan Yang Dipertua telah bersetuju bahawa kursus tersebut akan menggunakan peruntukan MDKL.</i></p>	Makluman
	ii.	<p>Perkara 4.3</p> <p>Encik Wong Kim Loon membangkitkan mengenai cadangan supaya Ahli Majlis menggunakan peruntukan MPP bagi menampung yuran pendaftaran “<i>Morib Fun Run</i>” yang disertai oleh komuniti zon masing-masing. Beliau berpendapat peruntukan MPP sesuai digunakan untuk menampung yuran pendaftaran Ahli Jawatankuasa MPP atau MPKK yang ingin menyertai program ini berbanding untuk menampung yuran pendaftaran jumlah komuniti yang terlalu ramai.</p>	Makluman

SULIT

		<i>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan memaklumkan Ahli Majlis boleh mengemukakan senarai peserta dari zon masing-masing yang berminat menyertai program ini.</i>	
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 13 MAC 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 5.5.7</p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu jumlah pemaju yang bertanggungjawab terhadap kebersihan di Jalan Persiaran Bandar Mahkota. Ini adalah kerana sehingga kini tiada kerja-kerja pembersihan seperti pemotongan rumput dilakukan oleh pihak yang berkenaan.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan terdapat tiga pemaju berlainan di situ dan telah diberikan notis supaya membersihkan jalan tersebut.</i></p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan jalan tersebut belum diserahkan kepada pihak Majlis dan menjadi tanggungjawab pemaju untuk menyelenggara kebersihan jalan tersebut.</i></p>	Makluman
	ii.	<p>Perkara 5.5.1</p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat penduduk yang membuang sampah di luar tong sampah kampung tradisi dan ingin tahu langkah penyelesaian masalah ini.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.5 juta bagi tempoh setahun untuk sampah tradisi sahaja dan tidak merangkumi sampah pukal serta bayaran tapak pelupusan (tipping fees). Oleh itu pihak Jabatan bercadang untuk melakukan kerja-kerja pengurusan sampah di kampung tradisi secara 'in house' memandangkan pihak KDEB mencadangkan tempoh kontrak selama tujuh tahun dengan anggaran kos sebanyak RM 10.5 juta bagi tempoh tersebut. Pihak Jabatan bercadang untuk melantik kontraktor dengan tempoh kontrak selama setahun. Sekiranya pihak Majlis bercadang untuk meneruskan program kutipan sampah di kampung tradisi pada tahun hadapan, maka peruntukan</i></p>	Makluman

	<p><i>tambahan perlu dibajetkan.</i></p> <p><i>Beliau menyatakan isu utama pengurusan sampah di kampung tradisi adalah masalah sampah pukal yang diletakkan di sekitar tong sampah tersebut. Oleh itu pada masa akan datang pihak Jabatan bercadang untuk menaikkan kos pengurusan sampah di kampung tradisi supaya kontraktor boleh mengutip sampah pukal yang ada di sekitar tong.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan penduduk setempat perlu dimaklumkan dan dididik mengenai jenis sampah yang boleh dibuang ke dalam tong sampah kampung tradisi. Penduduk juga perlu ada kesedaran untuk membuat pengasingan sampah dari rumah untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang ke pusat pelupusan. Selain itu, pihak Jabatan boleh mengeluarkan poster pemberitahuan jadual pembuangan sampah pukal ketika musim perayaan kepada penduduk.</i></p> <p><i>Encik Ang Eu Liang berpendapat pihak Majlis perlu mengutamakan isu kebersihan di kawasan operasi Majlis berbanding kawasan kawalan. Jika pihak Majlis bercadang untuk menaikkan kos bagi menampung pengurusan sampah pukal, maka kontraktor juga perlu mematuhi tahap piawaian yang ditetapkan seperti mematuhi jadual kutipan.</i></p> <p><i>Encik Rosdi berpendapat program pengurusan sampah kampung tradisi ini telah gagal mencapai matlamat yang sepatutnya. Oleh itu satu langkah penyelesaian perlu dicari supaya pengurusan sampah ini lebih berkesan.</i></p> <p><i>Puan Siti Nor Eaini memaklumkan terdapat aktiviti pembakaran sampah oleh pekerja KDEB di Taman Dato Hormat. Selain itu, pekerja KDEB melonggokkan sampah yang dikutip di satu kawasan untuk memudahkan kerja-kerja kutipan. Namun sementara lori sampah tiba di lokasi tersebut, plastik sampah telah dikoyakkan oleh anjing liar.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon menyatakan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan sebanyak RM 1.5 juta untuk tahun 2019 ini. Beliau berpendapat sudah tiba masa untuk penduduk kampung dikenakan cukai taksiran bagi menampung kos pengurusan sampah untuk tahun yang akan datang.</i></p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan perkara-perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sampah Daerah Kuala Langat yang akan diadakan esok.</i></p>	
--	--	--

	<p>iii.</p>	<p>Perkara 5.5.6</p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan masih terdapat premis makanan yang menggunakan polisterin untuk membungkus makanan. Beliau ingin tahu sama ada pihak Majlis boleh membuat satu dasar iaitu memaklumkan kepada semua peniaga makanan tentang larangan ini ketika proses pembaharuan lesen.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan tiada dasar yang jelas daripada Kerajaan Negeri berkaitan larangan penggunaan polisterin memandangkan pada ketika ini ia masih di peringkat kempen sahaja.</i></p> <p><i>Ketua Unit Perundangan menyatakan larangan penggunaan polisterin ini boleh dimasukkan dalam syarat-syarat lesen.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan berpendapat cadangan larangan penggunaan politerin ini adalah baik tetapi kaedah alternatif pembungkusan makanan perlu dikenal pasti untuk berlaku adil kepada peniaga tersebut.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan dan Unit Perundangan menyediakan satu kertas cadangan larangan penggunaan polisterin di premis makanan.</i></p>	<p>Makluman</p>
	<p>iv.</p>	<p>Perkara 5.5.2</p> <p>Encik Mat Irwan melahirkan rasa bimbang berkaitan isu pencemaran longkang di kawasan perindustrian dalam Daerah Kuala Langat dan berharap semua pihak dapat mengambil pengajaran daripada isu pencemaran sungai yang berlaku di Johor baru-baru ini.</p> <p>Beliau memaklumkan terdapat kilang di kawasan perindustrian Telok Panglima Garang yang melepaskan “<i>effluen</i>” ke dalam longkang dan menimbulkan rasa tidak selesa kepada penduduk setempat. Tindakan penguatkuasaan yang lemah oleh jabatan lain seperti Jabatan Alam Sekitar menyebabkan isu ini masih berulang. Pihak kilang juga perlu bertanggungjawab untuk memastikan hanya efluen yang bersih dan selamat sahaja yang dilepaskan ke dalam longkang.</p>	<p>Makluman</p>

SULIT

5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 13 MAC 2019.	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
i.	<p>Perkara 2.0</p> <p>Encik Mat Irwan menyatakan taklimat ini tidak menyatakan peratus kemajuan projek pembangunan loji rawatan air Labohan Dagang tersebut. Beliau berpendapat projek ini perlu dibuat mengikut jadual memandangkan kawasan Telok Panglima Garang, Sijangkang dan Jenjarum kerap mengalami masalah bekalan air.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan pihak Perunding telah meminta pihak Majlis memberikan ulasan berkenaan jajaran paip dan kerja-kerja tersebut sedang dalam proses tender. Ketika ini projek tersebut berjalan mengikut jadual kerja yang dirancang.</i></p>	Makluman
5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 3 TAHUN 2019 PADA 20 MAC 2019.	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
i.	<p>Pindaan pada keputusan mesyuarat bagi Addendum No. 2 (Perkara 4.4)</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kadar baru sewaan premis MDKL ini dengan kenaikan 50% untuk kesemua premis tersebut kecuali Pasar Pagi Sungai Jarom dan Pasar Pagi Telok Bunut yang akan diselaraskan kepada RM 60.00 sebulan. Semakan kadar akan dibuat setiap tiga (3) tahun. Kadar baru ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2019.</p>	Makluman
ii.	<p>Perkara 4.4</p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan kadar sewaan gerai MDKL (UPEN) Kampung Olak Lempit sebanyak RM 150.00 sebulan adalah lebih tinggi berbanding di Taman Seri Medan, Taman Jugra Jaya dan Taman Sejahtera yang hanya RM 50.00 sebulan.</p>	Makluman

		<p><i>Pengarah JPPH memaklumkan gerai tersebut adalah gerai baharu yang dibina selepas kejadian kebakaran sebelum ini. Oleh itu, tawaran kekosongan telah dibuka kepada orang awam termasuk peniaga gerai-gerai tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan Premis Perniagaan pada ketika itu telah bersetuju meluluskan kadar sewaan sebanyak RM 150.00 sebulan untuk gerai tersebut.</i></p> <p><i>Ahli mesyuarat mencadangkan kenaikan kadar sewa ini dilihat satu persatu kerana apabila kenaikan 50% ini dilaksanakan, terdapat premis yang mempunyai kadar sewaan yang terlalu tinggi.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta kertas mesyuarat ini dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang untuk dibincangkan satu persatu dan disertakan dengan gambar premis berkenaan.</i></p>	
	<p>iii.</p>	<p>Perkara 4.2</p> <p>Encik Mat Irwan melahirkan rasa tidak yakin terhadap kemampuan pihak juruperunding dan kontraktor dalam melaksanakan pembinaan bangunan pejabat baharu MDKL. Ini berikutan tiada persefahaman dan kerjasama yang baik diantara kedua-dua pihak yang dikhuatiri akan menyebabkan projek ini terbengkalai. Oleh itu kaedah penyelesaian perlu dicari memandangkan bangunan ini akan menjadi mercu tanda di Kuala Langat selaras dengan usaha MDKL ke arah Majlis Perbandaran.</p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mencadangkan status kemajuan pembinaan bangunan pejabat baharu ini dibentangkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan pada setiap bulan dalam Mesyuarat MDKL.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan satu perbincangan bersama pihak juruperunding dan kontraktor telah diadakan baru-baru ini. Pelbagai perkara telah dibincangkan melibatkan pengeluaran surat amaran, kaedah rektifikasi cerucuk yang patah dan sebagainya.</i></p> <p><i>Encik Baharudin mencadangkan satu tempoh masa diberikan kepada juruperunding dan kontraktor untuk menyelesaikan masalah ini. Sekiranya gagal berbuat demikian, maka pihak Majlis boleh menamatkan kontrak kerja tersebut.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta Unit Perundangan menyemak peruntukan undang-undang yang ada, sekiranya pihak</i></p>	<p>Makluman</p>

SULIT

		<i>Majlis menamatkan kontrak tersebut akan berlaku kemungkinan pihak Majlis disaman dan pihak mahkamah melarang mana-mana pihak daripada memasuki tapak projek.</i>	
	iv.	<p>Perkara 4.11</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status cadangan pengurusan operasi tempat letak kereta di kawasan MDKL.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. Akan beroperasi sehingga 31 Disember 2019. Selepas tempoh tersebut, pihak Majlis akan menguruskan sendiri semua tempat letak kereta yang sedia ada. Untuk permulaan operasi tempat letak kereta akan bermula secara pra operasi pada Julai 2019 di Bandar Saujana Putra dan Taman Seri Jaromas, Jenjarom. Pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) akan dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang bagi menerangkan kaedah sistem parkir dibawah SSDU.</i></p>	Makluman
6.0		<u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 4 TAHUN 2019 PADA 22 FEBRUARI 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 5 TAHUN 2019 PADA 7 MAC 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
7.0		<u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u>	
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>CADANGAN PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BARU DAN KADAR CUKAI TAKSIRAN BAGI PEGANGAN BERKADAR DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BERKUATKUASA 1 JANUARI 2020.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p>	JPPH

Cadangan anggaran kenaikan cukai taksiran

1. Hasil daripada kerja-kerja semakan Senarai Nilai baru semasa mendapati Nilai Tahunan baru meningkat melebihi 200 peratus berbanding Nilai Tahunan lama.
2. Faktor yang menyebabkan peningkatan Nilai Tahunan yang berbeza-beza adalah seperti berikut :
 - 2.1 Perubahan aras nilai "Tone of the list" lama yang diguna pakai semenjak tahun 1987;
 - 2.2 Peningkatan nilai pasaran sewa sesuatu kawasan;
 - 2.3 Peningkatan kemajuan sesuatu lokasi dan kemudahan infrastruktur kawasan taman;
 - 2.4 Permintaan dan penawaran yang tinggi;
 - 2.5 Kenaikan cukai taksiran adalah disebabkan oleh penguatkuasaan Nilai Tahunan yang menggunakan aras nilai terkini iaitu tahun 2018.
3. Bagi mengelakkan peningkatan cukai taksiran yang ketara, penurunan kadar cukai taksiran boleh dilakukan bagi mengimbangi kenaikan nilai tahunan menggunakan aras nilai tahun semasa. Cadangan anggaran kadar cukai taksiran adalah seperti berikut :

Jenis pegangan	Kadar cukai taksiran sedia ada	Kadar cukai taksiran yang dicadangkan
Kediaman	5.5%-14.0%	3.0%
Perniagaan	6.5%-14.0%	4.0%
Perindustrian	6.5%-14.0%	5.0%
Pertanian	1.0%	1.0%

Syor Jabatan

1. Pihak Jabatan mengesyorkan supaya cadangan semakan Senarai Nilai baru dan kadar cukai taksiran bagi pegangan berkadar dalam kawasan pentadbiran MDKL diluluskan dengan mengambil kira semua ketetapan berikut :

		<p>1.1 Aras Nilai telah ditetapkan dengan menggunakan Aras Nilai Tahun 2018;</p> <p>1.2 Tarikh pelaksanaan Senarai Nilai baru berkuat kuasa 1 Januari 2020.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini seperti syor Jabatan di atas dengan kadar cukai taksiran seperti di Perkara 3.</p>	
	<p>7.2</p>	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></p> <p>PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pengesahan mesyuarat.</p> <p><u>Penyata prestasi kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hasil pendapatan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM 81.75 juta iaitu peningkatan sebanyak 29% berbanding tahun sebelum iaitu sebanyak RM 63.18 juta. 2. Bagi perbelanjaan pula, pada tahun kewangan 2018 sebanyak RM 66.89 juta telah dibelanjakan dan menunjukkan peningkatan sebanyak 25% daripada tahun perbandingan sebelumnya iaitu sebanyak RM 53.65 juta. <p><u>Penyata kedudukan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aset semasa Majlis pada tahun kewangan 2018 adalah sebanyak RM 159.25 juta meningkat 44% daripada tahun perbandingan sebelum iaitu sebanyak RM 110.36 juta. 2. Aset bukan semasa Majlis adalah sebanyak RM 37.03 juta meningkat sebanyak 10% daripada tahun perbandingan sebelum iaitu sebanyak RM 33.68 juta. Peningkatan ini selaras dengan pembayaran kerja dalam kemajuan bagi projek membina bangunan pejabat 9 tingkat MDKL dan juga Dewan Orang Ramai Bandar Saujana Putra. 3. Liabiliti semasa Majlis adalah sebanyak RM 77.61 juta, meningkat 46% daripada tahun perbandingan sebelum iaitu RM 53.19 juta. Peningkatan ini selaras 	<p>JP</p>

SULIT

		<p>dengan deposit atau cagaran yang diterima oleh pihak Majlis.</p> <p>4. Liabiliti bukan semasa berjumlah RM 4.18 juta pula adalah komitmen bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri yang hanya akan dibayar bermula pada tahun 2020.</p> <p><u>Syor urus setia</u></p> <p>1. Penyata kewangan ini perlu diterima dan disokong oleh ahli mesyuarat sebelum ia diserahkan kepada Jabatan Audit Negara sebelum atau pada 30 April 2019.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Langat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.</p>	
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
		Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Haridass a/l Ramasamy.	
	i.	<p>Beliau mengucapkan salam sejahtera kepada Tuan Timbalan Yang Dipertua, YDM. Dato' Orang Besar Daerah, Ketua Whip, semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada YB. Ahli Parlimen Kuala Langat dan pimpinan parti di atas kepercayaan yang diberikan untuk kekal sebagai Ahli Majlis.</p>	Makluman
	ii.	<p>Beliau mengucapkan tahniah kepada MDKL di atas kejayaan dan anugerah yang diperolehi di peringkat negeri dan kebangsaan. Ini menunjukkan MDKL telah bersedia untuk dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat tidak lama lagi.</p> <p>Ini adalah hasil usaha dan kebolehan yang disumbangkan oleh warga kerja MDKL. Walau bagaimanapun masih terdapat kekurangan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang boleh diatasi dengan memberi tumpuan kepada isu tertentu seperti kilang haram, pembuangan sampah dan sebagainya. Walau pun tindakan sitaan dan kompaun dijalankan namun ia tidak mencukupi untuk membanteras isu pembuangan sampah haram. Oleh itu, tindakan pemantauan yang berterusan perlu dilakukan. Isu</p>	Makluman

SULIT

		<p>sampah haram ini kerap dibincangkan dalam mesyuarat namun tiada jalan penyelesaian secara menyeluruh.</p> <p>Pihak Majlis perlu bersedia ke arah “<i>waste to energy</i>” dengan adanya “<i>municipal waste treatment plant</i>” yang dapat memberikan kesan positif dalam menyelesaikan masalah sampah haram. Pihak Majlis dapat menjana pendapatan melalui penjualan tenaga yang terhasil daripada sampah ini kepada pihak TNB. Sistem ini juga dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk Kuala Langat dan meningkatkan taraf MDKL.</p> <p>Dalam menjalankan usaha “<i>waste to energy</i>” ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan kilang baharu di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan.</p>	
	iii.	<p>Untuk mencapai matlamat ke arah Majlis Perbandaran Kuala Langat, peningkatan perkhidmatan, inovasi dalam perkhidmatan, penglibatan yang menyeluruh dan kecekapan pengurusan adalah elemen yang sangat penting. Justeru itu sebagai sebahagian daripada sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis sebagai penggubal dasar telah memainkan peranan yang cukup signifikan di dalam membentuk kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.</p> <p>Beliau menyeru kepada semua Ahli Majlis untuk bersama-sama memberikan buah fikiran dan cadangan yang bernas dalam meningkatkan tahap kompetensi MDKL. Beliau berharap cadangan-cadangan ini akan diambil perhatian oleh pihak Majlis dalam usaha menjadi sebuah Majlis Perbandaran yang dinamik, lestari dan terbilang menjelang tahun 2020 sebagaimana yang tercatat dalam Visi MDKL.</p>	Makluman
	iv.	<p>Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun :</p> <p>Dahan melantur tersekah luruh, Jatuh di perdu menimpa batu, Biar guntur menghambur geruh, Semangat muafakat Kuala Langat terus bersatu dan maju.</p>	Makluman
9.0		<u>UCAPAN PENUTUP OLEH TUAN Pengerusi</u>	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.	Makluman

SULIT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat
Tarikh : 1 April 2019

Disemak oleh :

.....
(MISKON BIN HAJI KARIM,P.P.T.)
Penolong Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(MOHD YASIN BIN ALWI,A.I.S.)
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

rosmawati/mesyuarat mdkl bil.3/2019

SULIT

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP - JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN